

21/05/1999

Adnan cukup pengalaman

Shariffudin Mohamed; Noorwati Salleh

KUANTAN, Khamis - Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, yang ditukarkan ke Pusat, berkata penggantinya, Datuk Adnan Yaakob, mempunyai pengalaman mencukupi untuk memegang jawatan Menteri Besar yang baru.

Katanya, selain menjadi Ketua Umno bahagian Bentong dan menganggotai Badan Perhubungan Umno negeri, Adnan sudah lama berkhidmat sebagai Ahli Exco Kerajaan Negeri.

"Adnan sudah lama bertugas dengan saya dalam Exco. Ini saya anggap satu kelebihan kerana beliau dapat menghadiri pelbagai mesyuarat, termasuk majlis pembangunan dan tindakan negeri.

"Justeru, saya percaya beliau memahami segala keperluan bagi menjadi Menteri Besar.

"Saya juga percaya jawatannya sebagai Ketua Penerangan Umno dan ahli Badan Perhubungan negeri memberi beliau kekuatan secukupnya bagi memimpin kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar sempena pertukarannya ke Pusat bagi mengisi jawatan Menteri Penerangan dan Setiausaha Agung Umno, di Bilik Mesyuarat Wisma Sri Pahang, di sini, hari ini.

Selain Adnan, turut hadir ialah Timbalan Menteri Besar, Datuk Hasan Arifin.

Adnan, 49, yang turut menjawat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama dan Pendidikan negeri akan mengangkat sumpah jawatan sebagai Menteri Besar Pahang, ke-14 di Istana Abu Bakar, Pekan, Selasa ini.

Mengikut amalan konvensyen, menurut Mohd Khalil, jawatan Exco sedia ada menjadi kosong berikutan peletakkan jawatan Menteri Besar.

"Barisan Exco yang baru akan diputuskan oleh Adnan selepas secara rasmi menjadi Menteri Besar. Bagaimanapun, disebabkan kita dalam parti yang sama, perkara terbabit tidak akan menjadi masalah," katanya.

Mengulas pelantikannya sebagai Menteri Besar yang baru, Adnan berkata, beliau akan memberi ulasan penuh selepas mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar, Selasa ini.

Beliau bagaimanapun berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberi kepercayaannya.

"Saya memikul tanggungjawab yang berat tetapi saya akan cuba sedaya upaya memenuhi tugas berkenaan," katanya.

Katanya, barisan Exco Kerajaan Negeri pimpinannya akan diumumkan selepas upacara mengangkat sumpah.

Apabila diaju soalan mengenai beliau adalah anak Pahang Barat pertama dilantik sebagai Menteri Besar, Adnan berkata: "Kita semua dari Pahang tanpa mengira Pahang Barat atau Timur."

Adnan yang menjadi Ketua Umno bahagian Bentong pada tahun 1987, adalah Ahli Dewan Undangan Pelangai yang dipegangnya sejak tiga penggal lalu.

Dilahirkan di Bentong pada 18 April, 1950, beliau pernah bekerja sebagai guru selepas mendapat ijazah dalam bidang sastera dan Diploma Pendidikan di Universiti Malaya, masing-masing pada 1975 dan 1977.

Beliau mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Agama Pelangai antara 1969 dan 1972, serta Sekolah Menengah Sulaiman Bentong (1977 dan 1984).

Adnan memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Pelangai pada percubaan pertamanya menjadi calon Barisan Nasional pada 1986.

Selepas pilihan raya umum 1990, beliau dilantik menjadi Ahli Exco Kerajaan Negeri dengan memegang portfolio perumahan dan Pengerusi

Jawatankuasa Hal Ehwal Agama dan Pendidikan negeri selepas pilihan raya umum 1995.

(END)